

## PROSES KREATIF DAN PEMIKIRAN: KAJIAN PUISI A. WAHAB ALI DAN KEMALA

## TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA (PENULISAN KREATIF)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2010

## ABSTRAK

Disertasi yang bertajuk “Proses Kreatif dan Pemikiran: Kajian Puisi A. Wahab Ali dan Kemala” ini dibuat bertujuan mengkaji bagaimana mereka menghasilkan karya kreatif. Perbincangan memberi fokus kepada proses kreatif dan pemikiran dari hasil karya yang dihasilkan yang bertitik tolak daripada latar belakang kehidupan dan pendidikan. Aspek ini dianggap relatif dengan dunia penulisan kreatif dalam semua genre kesusasteraan. Setiap pengarang mempunyai proses kreatif tersendiri yang memberi kesan kepada karya yang dihasilkan. Pengkaji melihat penyair A. Wahab Ali dan Kemala memiliki kekuatan rohaniah dan jasmaniah serta pengaruh bakat dan psikologi yang perlu dikaji bagi menjawab persoalan bagaimana pengalaman hidup dan pendidikan mempengaruhi proses kreatif mereka melahirkan karya yang mencapai pengiktirafan peringkat nasional, serantau dan dunia. Persoalan kedua, keperluan melihat bagaimana proses kreatif berlaku dari peringkat awal hingga menjadi sebuah karya. Proses kreatif penyair akan dikenalpasti sama ada mempunyai keselarasan dengan Model MG Taylor yang mengutarakan tujuh proses kreatif. Ketiganya bagaimana karya kreatif yang dihasilkan membina pemikiran yang dikaitkan dengan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4L (SPB4L). Kajian ini dianalisis melalui kaedah kualitatif dan dihurai secara deskriptif. Maklumat dan data diperolehi dengan kaedah kajian kepustakaan dibuat dengan mencari bahan-bahan rujukan di Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka serta perpustakaan beberapa institut pengajian tinggi awam dan temubual bersama kedua-dua pengarang. Hasil kajian tentang proses kreatif kepengarangan serta pemikiran yang dicetuskan ini menemukan pengkaji dengan beberapa perbezaan dan persamaan kedua-dua penyair dari aspek waktu berkarya, pencarian idea, memilih idea, penggeraman, sensitiviti persekitaran serta matlamat dalam berkarya. Pengkaji mendapati proses kreatif sama ada terdapat perbezaan atau persamaan, namun matlamat pengkaryaan adalah untuk menyampaikan mesej dalaman pengarang yang akhirnya mendidik atau memanusiakan manusia. Kajian ini juga akan memberi manfaat kepada universiti dari aspek dokumentasi, kesinambungan kajian, menghargai nilai proses kreatif pengarang, memartabat kesusasteraan Melayu serta memperkasakan semula Universiti Pendidikan Sultan Idris atas dasar kekuatan kemasyhuran yang dibina oleh kedua-dua penyair.

## ABSTRACT

This dissertation is about “The Creative and Thinking Process: A Study of A. Wahab Ali and Kemala Poems”. The purpose of this study was to investigate how they produce their creative works. The discussion focuses on the creative and thinking process which is a part of life and education background. This aspect is measured relative to the creative writing world in the literature genres. Each writer has his own creative process which gives impact to the produced works. Researcher considered both poets, A. Wahab Ali and Kemala because they have spiritual consciousness and at the same time their talents and psyche which should be studied in order to identify how their life experience and education influenced them to produce world renowned works. Besides that, it is necessary to observe the creative process from the beginning to the completion of their art work. The poets’ creative process was compared to MG Taylor’s Model to check whether it meets the model’s seven creative processes. Furthermore, it is meant to check how their creative work was produced based on to the Integrated Thinking System Theory (SPB4L). This research was analyzed through qualitative study and described descriptively. The data and information gathered through archival analysis by collecting references from Malay Documentation Centre, Dewan Bahasa dan Pustaka and other libraries in public higher education institutions and by interviewing both writers. The outcomes of this research have introduced the researcher to the differences and similarities of both writers in term of writing period, searching for ideas, selecting ideas, incubation of ideas, environment sensitivity and the reason for writing. The researcher identified that the creative process regardless of whether there are differences or similarities – the goal is to deliver the authors’ message which was meant to educate or humanize the human. This findings of this study can be beneficial to the university in the aspects of literary documentation, research relevance, appreciation of author’s creative process, uplifting the Malay Literature and reestablishing this institution based on the popularity formed by these two famous poets.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>DEDIKASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii

## BAB 1 PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masaalah	10
1.3 Kepentingan Kajian	14
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Batasan Kajian	16
1.6 Kaedah Kajian	22
1.7 Definisi Konsep:	
1.7.1 Proses Kreatif dan Pemikiran	23
1.7.2 Puisi dan Penyair	30
1.8 Kesimpulan	37



## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	39
2.2 Kesimpulan	47

## BAB 3 PROSES KREATIF DAN METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	49
3.2 Model Proses Kreatif	52
3.3 Model MG Taylor- Tahap Proses Kreatif	54
3.3.1 Proses Kreatif Pengenalan ( Identify)	56
3.3.2 Proses Kreatif Visi/Gambaran (Vision)	56
3.3.3 Proses Kreatif Maksud/Niat (Intent)	56
3.3.4 Proses Kreatif Pemahaman/Pengertian( Insight)	57
3.3.5 Proses Kreatif Pengeluaran (Engineering)	57
3.3.6 Proses Kreatif Pembinaan/Bentuk (Building)	58
3.3.7 Proses Kreatif Penggunaan (Using)	59
3.4 Kehidupan dan Proses Kreatif A. Wahab Ali	59
3.5 Kehidupan dan Proses Kreatif Kemala	96
3.6 Perbandingan Proses Kreatif A Wahab Ali dan Kemala dari Aspek Model M.G. Taylor	123
3.6.1 Tahap Proses Kreatif Pengenalan (identify)	123
3.6.2 Tahap Proses Kreatif Visi /Gambaran (Vision)	124
3.6.3 Tahap Proses Kreatif Maksud/Niat (Intent)	124
3.6.4 Tahap Proses Kreatif Pemahaman/Pengertian (Insight)	125
3.6.5 Tahap Proses Kreatif Pengeluaran (Engineering)	125





3.6.6 Tahap Proses Kreatif Pembinaan/Bentuk (Building)	126
3.6.7 Tahap Proses Kreatif Penggunaan (Using)	127
<b>3.7 Kesimpulan</b>	<b>128</b>

## **BAB 4 PROSES KREATIF DAN PEMIKIRAN DALAM PUISI A WAHAB ALI DAN KEMALA**

4.1 Pengenalan	129
4.2 Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4L (Teori SPB4L)	131
4.2.1 Pemikiran Luhur (Pemikiran Kerohanian)	139
4.2.2 Pemikiran Lahir (Pemikiran Kebitaraan)	140
4.2.3 Pemikiran Logik (Pemikiran Kesaintifikian)	141
4.2.4 Pemikiran Lateral (Pemikiran Kemanusiaan)	141
4.3 Perbandingan Proses Kreatif A Wahab Ali dan Kemala	142
Dari Aspek Teori SPB4L	
4.3.1 Pemikiran Luhur ( Pemikiran Kerohanian )	
Dalam Puisi A. Wahab Ali dan Kemala	143
4.3.2 Pemikiran Lahir (Pemikiran Kebitaraan)	
Dalam Puisi A. Wahab Ali dan Kemala	146
4.3.3 Pemikiran Logik (Pemikiran Kesaintifikian)	
Dalam Puisi A. Wahab Ali dan Kemala.	148
4.3.4 Pemikiran Lateral (Pemikiran Kemanusiaan)	
Dalam Puisi A. Wahab Ali dan Kemala	154
4.4 Kesimpulan	164





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**BAB 5****KESIMPULAN : HASILAN & CADANGAN**

5.1 Pengenalan 165

5.2 Dapatan Kajian 166

5.3 Cadangan dan Kesimpulan 171

**RUJUKAN**

176

**LAMPIRAN**

182



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## **SENARAI RAJAH /JADUAL**

Rajah 1: Model MG Taylor	55
Jadual 1: Kaedah Intrinsik dan Ekstrinsik	25
Jadual 2: Teori Dua Belahan Otak	130
Rajah 2: Modul Pemikiran 4L	134



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI SINGKATAN

<b>SPB4L</b>	Sistem Pemikiran Bersepada 4 L (Luhur, Lahir, Logik, Lateral)
<b>DBP</b>	Dewan Bahasa dan Pustaka
<b>UPSI</b>	Universiti Pendidikan Sultan Idris
<b>SITC</b>	Sultan Idris Training College
<b>MPSI</b>	Maktab Perguruan Sultan Idris
<b>SWT</b>	Subahanahu Wa Taala
<b>SAW</b>	Sallallahu Alaihi Wasallam
<b>KPGMS</b>	Kesatuan Persekutuan Guru Melayu Semenanjung
<b>HSC</b>	Higher School Certificate



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Kajian berkaitan proses kreatif bukan perkembangan baru dalam dunia kesusastraean.

Dari waktu ke waktu, manusia sentiasa menghasilkan ciptaan-ciptaan termasuklah dalam penghasilan karya kreatif. Proses kreatif terus berlaku dalam kehidupan manusia. Ia tidak terhad dalam bidang kesenian sahaja, malah dalam bidang ilmu pengetahuan, ekonomi dan sosial. Proses kreatif atau penciptaan manusia adalah penemuan-penemuan baru dalam hidup dari cetusan idea dan pemikiran. Menariknya persoalan proses kreatif mendorong sarjana membuat kajian dan membincangkan hal ini dengan melihat pencipta-pencipta yang dianggap genius .

Profesor Brewster Ghiselindari dari Universiti Utah, Amerika Syarikat menghasilkan bukunya *Proses Kreatif* (1983) dengan menarik menyentuh proses kreatif beberapa pencipta dalam bidang matematik, muzik, seni pahat, puisi, novel, lukisan. Beliau menyatakan perhatian kepada proses mencipta atau proses kreatif sebenarnya bukan merupakan



perkembangan baru. Ia menyentuh hal-hal di sebalik karya pengarang menguruskan bahan dari cetusan ilham sehingga menjadi sebuah karya menarik dan bermutu.

Supardi Muradi (*Dewan Sastera*, Februari 1989, hlm. 50) menjelaskan sebuah ciptaan seni sama ada sastera, ataupun bukan sastera kepada pengkaji atau pembaca yang peka selalunya akan bertanya bagaimakah dan dari manakah seseorang penulis atau pencipta itu mendapat bahan atau sumber bagi karya seni mereka. Persoalan ilham, imaginasi, fantasi, perasaan, pengalaman, kepekaan terhadap realiti atau sumber penulisan, masing-masing berperanan dalam proses kreatif seseorang pengarang.

Kajian berkaitan proses kreatif atau proses penciptaan sebuah karya memberi manfaat sebagai panduan kepada khalayak atau mereka yang ingin menjadi pengarang. Menambah bahan kajian berkaitan proses kreatif kepengarangan sekali gus akan memberi tambahan kepada sejumlah buku-buku berkaitan proses kreatif yang ada di negara ini. Proses kreatif juga mempunyai perkaitan dengan penggarapan biografi seseorang pengarang dan sumbangannya yang boleh menjadi rujukan generasi hari ini dan akan datang.

Talib Samat pernah menghasilkan buku *Potret Kreatif* (DBP, 1991) yang memaparkan biografi dan proses kreatif bagi merangsang pertumbuhan dan perkembangan kesusteraan Malaysia. Ia membicarakan proses kreatif penulis yang menghasilkan pelbagai genre termasuklah novel, sajak, novel remaja dan cerpen iaitu A. Ghani Abdullah, A. M Thani, A. Rahim Abdullah, Ahmad J. Hussein, Ami Masra, Aripin Said, Badrul Risham Naruddin, Gunawan Mahmood, H.M. Tuah Iskandar, Jaafar Hj. Abd Rahim, Lim Swee Tin, Marsli N.O , Maznan Noordin, Mohd. Ismail



Sarbini, Osman Ayob, Pena Mutiara, Rahmat Haroun, Shamsuddin Jaafar, Shapiai Mohd. Ramly, Zahari Hasib, Zakaria Salleh, Zailiani Taslim, Wahba, Mohd. Ghazali Tocheh, serta Mattaib Nordin.

Talib Samat tidak sahaja mencungkil pengalaman-pengalaman menghasilkan karya kreatif oleh pengarang lain, malah turut menuangkan pengalaman diri sendiri dalam buku *Proses Kreatif dan Pengalaman Berkarya*. Pengalaman menulis kreatif dianggapnya sesuatu yang mahal dalam hidup yang boleh dikongsi bersama sesiapa sahaja termasuk pelajar dan pencinta ilmu sebagai motivasi, pengajaran dan perbandingan.

Buku *Proses Kreatif Pengarang Melayu Jambak 1* hingga *Jambak 4*

(Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988) yang diselenggarakan oleh Ahmad Kamal

Abdullah juga menonjolkan kehidupan dan proses beberapa pengarang kreatif Malaysia yang sudah berjaya mencipta nama termasuklah Abdul Talib Hassan, Amil Jaya, Anwar Ridhwan, A. Wahab Ali, Shamawijaya, Hashim Yassin, Jihaty Abadi, Kassim Ahmad, Keris Mas, Nahmar Jamil, Shahrom Husain dan Zurinah Hassan.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga telah menerbitkan buku *Siri Jambak 1* dan *2* yang memaparkan proses kreatif beberapa pengarang ternama negara ini yang diselenggarakan oleh Kemala pada tahun 1993. Ahmad Kamal Abdullah telah mewawancarai beberapa pengarang negara ini iaitu Abdul Talib Hassan, Amil Jaya, Sasterawan Negara Datuk Anwar Ridhwan, A. Wahab Ali, Dharmawijaya (Kamaruzzaman Abd. Kadir), Hashim Yassin, Jihaty Abadi, Kassim Ahmad, Keris Mas, Nahmar Jamil, Shahrom Husain dan Zurinah Hassan. Dalam buku ini



disingkapkan perjalanan hidup, cabaran dan proses kreatif pengarang-pengarangnya sehingga berupaya menghasilkan karya-karya kreatif yang bermutu.

Proses mencipta bukan hanya sebagai proses perubahan, proses pertumbuhan, proses evolusi dalam organisasi kehidupan, tetapi juga dalam mencetuskan karya-karya kreatif. Brewster Giselin (1983) berpendapat kegiatan bawah sedar proses kreatif itu sering disamakan dengan pertumbuhan seorang bayi dalam kandungan sang ibu. Dalam buku susunannya itu, Brewster menampilkan tulisan berkaitan proses kreatif bukan sahaja dari kalangan penulis kreatif malahan penciptaan matematik, penggubahan lagu, sains dan lukisan. A.E. Housman melalui tajuk `Nama dan Sifat Puisi' secara ringkas menyentuh proses kreatif menulis puisi oleh Blake dan Shakespeare.



Betapa pentingnya menerbitkan karya yang menyangkut hal-hal atau persoalan proses atau proses penciptaan juga mendorong Abdullah Tahir (1989) menulis buku berkaitan proses kepengarangan yang bertajuk *Novel Ishak Hj Muhammad, A. Samad Said, Shahnnon Ahmad* (DBP, 1989) ketika ia menjadi pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya atas cetusan idea A. Wahab Ali. Ia menulis buku itu dengan harapan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar atau kepada mereka yang ingin menceburkan diri dalam bidang penulisan kreatif. Sehingga tahun buku itu diterbitkan, kajian lebih tertumpu kepada analisis karya-karya pengarang Melayu dan belum ada penyelidik kesusasteraan Melayu yang membuat kajian secara khusus mengenai proses penciptaan pengarang-pengarang Melayu. Beliau juga menimbulkan persoalan mengapa terjadi persamaan atau perbezaan dalam proses penciptaan seorang pengarang dengan pengarang yang lain.



Proses kreatif mendorong pengarang menghasilkan karya dan karya pula akan mecetuskan pemikiran. Rahman Shaari (1992: x) menganggap puisi Kemala, Baha Zain, Muhammad Haji Salleh, A. Latif Mohidin dan Zurinah Hassan mengandungi pemikiran yang diperolehi daripada pelbagai cabang ilmu dan juga pengalaman.

Othman Puteh yang menyelenggarakan penerbitan buku berjudul *Proses Penciptaan Menulis Untuk Remaja* (DBP, 1991) memaparkan pengalaman kreatif pengarang-pengarang yang menghasilkan karya untuk bacaan remaja. Mereka termasuklah Abdul Ahmad, Aminhad, Aripin Said, Azmah Nordin, Ghazali Ngah Azia, H.M. Tuah Iskandar, Iskandar Dzul Karnain H.M, Jalil A. Rahman, Jamilah Morshidi, Khairudin Ayip, Mohd Ismail Sarbini, Mohd. Tajuddin Haji Abdul Rahman, Muhd. Mansur Abdullah, Nazel Hashim Mohamad, Othman Puteh, Othman Rasul, Rejab F.I, Siti Aminah Haji Yusof, Talib Samat serta Zailiani Taslim. Sebahagian besar daripada mereka tidak berkarya lagi dan ada yang sudah kembali ke rahmatullah. Namun, apa yang ingin diketengahkan adalah proses kreatif yang memberi pengetahuan kepada pembaca untuk memahami dunia penulisan kreatif.

Menurut Othman Puteh hampir dua tahun ia menyimpan hasrat untuk membukukan pengalaman proses penciptaan kalangan pengarang sastera remaja yang membicarkan pengalaman mereka dalam penghasilan pelbagai genre sastera remaja sebagai satu usaha berkongsi pengalaman yang boleh dijadikan motivasi dan petunjuk awal kepada khalayak yang meminati bidang sastera remaja.

A.. Wahab Ali dan Kemala adalah dua orang penyair yang memberi sumbangan besar dalam perkembangan kesusasteraan Melayu tanah air. Kedua-dua



penyair ini mula mengembangkan bakat penulisan mereka ketika mendapat pendidikan di Maktab Perguruan Sultan Idris atau dikenali sebagai MPSI yang sebelumnya dikenali sebagai Sultan Idris Training College atau SITC. Mereka memiliki keitimewaan dari aspek proses kreatif dan menghasilkan pemikiran-pemikiran melalui karya-karya khasnya puisi yang dihasilkan. Oleh yang demikian, kajian perlu dilakukan terhadap hal berkaitan aspek proses kreatif dan pemikiran kedua-dua penyair mapan ini.

Dalam konteks perkembangan Kesusasteraan Melayu di Malaysia, walaupun ada yang menganggap Malaysia berada di belakang kesusasteraan Indonesia, namun perkembangan kesusasteraan di Malaysia tetap mempunyai sejarahnya yang panjang. Kesusasteraan adalah dunia ilmu yang terlalu dekat dengan kehidupan manusia dan



segala konflik dan insiden yang terjadi dalam hidup yang digarap dengan begitu indah dan penuh dengan mesej. Kesusasteraan mendekatkan manusia kepada kebaikan dan menyatukan perasaan dalam masyarakat.

Usman Awang (1970: 238) dalam Baharudin Zainal (1975) menyatakan:

“Bicara tentang sastera, tidak lain daripada bicara tentang manusia. Dan berbicara tentang manusia, bererti berbicara tentang seluruh kehidupan lahiriah dan batiniahnya; suka dukanya, marah bencinya; kecewa hampanya; sedih rawannya dengan segala sifat-sifat yang merangkumnya; baik jahatnya, kejam buruknya, budi mulianya, takut beraninya, lemah gagahnya dan sebagainya lagi. Dan segala ini dipengaruhi oleh corak dan sistem ekonomi politik yang merantai melingkungi kehidupan mereka, yang memberi pengaruh pula kepada hasil seni, termasuklah penciptaan sastera.”



Kesusasteraan bukan sahaja bidang yang hanya membicarakan aspek struktural atau estetikanya sahaja, malah kehidupan dan proses kreatif pengarang dianggap perlu dilihat sebagai aspek yang tidak kurang pentingnya sebagai cerminan kepada sesebuah karya. Sebuah karya yang besar seringkali dilahirkan lantaran pengalaman hidup dan proses kreatif yang dilalui penuh dengan kompleksiti pengarangnya .

Abu Bakar Abdul Hamid (1992: 1) mendefinisikan kesusasteraan sebagai suatu seni yang menggunakan kata-kata. Malah kesusasteraan dianggap suatu proses komunikasi antara pencipta (pengarang) dan khalayak (pembaca). Mana Sikana (1996: 41) berpendapat kesusasteraan mempunyai nilai keindahan dan mencari hakikat kebenaran melalui aliran yang diyakini pada sesuatu zaman. Nilai keindahan dan hakikat kebenaran dikatakan mempunyai kaitan dengan persoalan nilai dan daya keintelektualisme atau akal budi.

Pandangan ini diperkuatkan lagi oleh pandangan Plato yang menganggap kebenaran dunia ini tidak diungkapkan melalui pancaindera, sebaliknya sebagai pancaran dan manifestasi akal budi sekali gus menjadi teori penciptaan karya-karya seni yang berteraskan keyakinan terhadap kewujudan alam benda dan kuasa abadi. Apalagi dalam dunia global yang kronik dan penuh pancaroba ini. Kesusasteraan tidak boleh kehilangan arah dan hala tujunya ditelan oleh kemodenan dan globalisasi. Malah, kesusasteraan seperti bidang lain, perlu dipertahankan dengan apa cara sekali pun. Kesusasteraan perlu terus hidup dan berperanan membentuk diri dan peribadi manusia dalam setiap generasi dan tamadun.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Selagi wujud manusia, kesusasteraan akan terus hidup meskipun diasak oleh kehidupan cinta pada material. Golongan sasterawan yang menghidupkan dunia kesusasteraan sentiasa berusaha mengangkat pelbagai persoalan masyarakat di dalam karya mereka. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam buku *Pemimpin dan Sasterawan* selenggaraan A. Karim Haji Abdullah (1993) menganggap sasterawan adalah kumpulan manusia istimewa yang dianugerahkan oleh Allah SWT satu perasaan halus yang cepat terasa ataupun peka terhadap suasana sekitarnya.

Shahnon Ahmad dalam eseinya `Kedudukan Dan Pembedahan Puisi' dalam buku *Gejala: Esei dan Kritikan Puisi Melayu Modern 1955 -1986* (1989: 212) berpendapat manusia akan terus berusaha memperkayakan diri tapi akhirnya bukan kekayaan objek seperti kata Ahmad Kamal Abdullah atau Kemala dalam puisi



“Meditasi” : 05-4506832 pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

dengan jiwa  
tulus kudus  
mengenal  
menemui dan mengerti cinta.

Menurut Shahnon lagi,

“Kepuasan erti hidup tidak lagi terletak pada kemenangan fizikal dan keagungan kuasa yang tidak pernah puas seperti yang dialami oleh Julius Caesar dan Mark Antony. Kepuasan hidup terletak pada cinta, pada nilai-nilai rasa dan nilai-nilai estetika. Akal (bukan sekadar fikiran) akan kembali memainkan peranan ulung. Ciri-ciri keluhuran, imaginasi, intuisi dan daya kreatif akan bertugas. Dan salah satu asosiasi yang amat kejap di antara ciri-ciri ini untuk membuatkan satu sintesis ialah genre puisi.”

Shahnon Ahmad (1994: xx) berpendapat kesusasteraan yang unggul adalah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



dan berimajinasi yang sentiasa dijiwai oleh wahyu, iaitu pengalaman, ilmu dan imajinasi yang dipandukan oleh Allah untuk terus mempertahankan makna keinsanan yang sebenar; baik sebagai khalifah di bumi ini mahupun di akhirat.

Mengikut Sahlan Mohd Saman dalam bukunya *Sejarah Kesusastraan Melayu Modern* (2005), Rene Wellek dan Austin Warren (1966) menyebut bahawa sastera itu dapat memperlihatkan *world-view* sesuatu masyarakat dan mewakili ‘kehidupan’ dalam ukuran yang lebih luas adalah satu realiti sosial. Hubungan sastera dengan masyarakat ini disokong oleh W.S Hudson yang menyatakan bahawa kesusastraan tidak akan menjadi agung dan bermutu tinggi kiranya ia tidak menjelajahi alam masyarakat serta alam kehidupan manusia sedalam-dalamnya.



Puisi yang ditulis adalah cetusan hati yang bukan bersifat peribadi malah menjangkau kepada matlamat memberi keinsafan dan kesedaran tentang perihal pentingnya menjadi insan yang mulia dan memandang masa depan dengan hati yang jernih dan pemikiran yang positif. Suara intelektual penyair-pendidik ini menjadi lontaran suara yang banyak menyentuh persoalan hubungan dan membimbing manusia dengan sentuhan kemanusiaan dan kedekatan kepada aspek lokal tradisi bangsa.

Shahnon Ahmad (*Dewan Sastera*, 1997) dalam kertas kerjanya bertajuk “Sejarah Perkembangan Puisi Baru Melayu” yang disampaikan pada Pertemuan Sasterawan Indonesia III 1976 di Jakarta berpendapat Puisi Melayu Baru yang muncul mulai tahun-tahun 1930-an memancarkan nilai-nilai dan norma-norma masyarakat. Kewujudan puisi bentuk baru di negara ini dipengaruhi oleh gerakan pembaharuan agama Islam di Timur Tengah terutama dari Mesir dan Turki serta kesan terdirinya





pusat-pusat pendidikan seperti Maktab Melayu Kuala Kangsar atau MMKK dan MPSI yang menghasilkan golongan terpelajar Melayu. Pada tahun 1930-an juga ditandai pertumbuhan organisasi bahasa dan persuratan seperti Persaudaraan Sahabat Pena Melayu, Pejabat Karang-mengarang kelolaan Za'ba serta majalah *Majalah Guru* yang muncul pada tahun 1927. Pada tahun-tahun 1960-an, perkembangan perpuisian di negara ini menurut Shahnon ditarik beberapa penyair penting iaitu Kassim Ahmad, Anis Sabirin, Baha Zain, Muhammad Haji Salleh, Latiff Mohidin, Badaruddin H. O., A. Wahab Ali, Adi Rumi, Hadrami A. R. Firdaus Abdullah, Sohor Antarsaudara, Kemala, dan Zurinah Hassan.



Menurut Shahnon, bagi penyair-penyair berkenaan puisi bukan hanya satu luahan perasaan anak-anak muda atau tuangan rasa yang sukar dikawal, tetapi puisi lebih bersifat intelektual yang meminta kebakatan, pemikiran rasional dan disiplin yang ketat tetapi kemas. Pengetahuan penyair ketika itu tentang konsep sastera, aliran sastera serta pergolakan dunia lebih luas berbanding penyair-penyair sebelumnya.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Proses kreatif adalah satu proses yang unik yang mencetuskan karya dan membuka pemikiran. Ia menguji seorang pengkarya yang terkesan daripada kepekaannya terhadap apa yang berlaku sekitar lingkungannya dari pengalaman-pengalaman yang dilalui selain ilham mendatangi pengkarya. Brewster Ghiselin (1983: 12) menjelaskan bahawa suatu hari ahli matematika Jackues Hamard secara





dicarinya sekian lama. Ia tidak dapat melupakan kenyataan yang memecahkan persoalan berbanding cara yang dilakukan sebelumnya. Ini bermakna proses kreatif pengarang perlu dilihat sebagai aspek yang perlu dikaji kerana sesebuah karya tidak berhasil dengan begitu sahaja.

Ia satu proses berkaitan dengan situasi sedar dan bawah sedar seseorang selain faktor penjanaan bakat dan pengalaman serta kesan-kesan psikologi dalam kehidupan pengkarya. Brewster Ghiselin (1983: 15) menjelaskan Henry James dalam kata pengantar bagi karyanya *The Ambassadors* menganggap penciptaan karya secara sedar memberi kesan berlakunya suatu proses yang berkembang secara bawah sedar secara otamatis jika kesedaran tidak berperanan ketika itu.



Puisi mempunyai elemen mendidik dan sarat dengan pemikiran yang diutarakan penyair. Pengarang atau penyair seringkali ingin menyampaikan suara hati dan pemikirannya agar khalayak memikirkan segala apa yang diutarakannya dapat memberi suatu perubahan kepada kehidupan mereka. Meskipun penyair terikat atau mementingkan aspek bahasa perlambangan dengan bayangan makna yang sukar ditafsir pembaca, namun pemikirannya tetap wujud dalam setiap hasil karyanya. Segala bentuk pemikiran yang dihasilkan melalui karya kreatif, hakikatnya bertolak daripada apa yang dikatakan sebagai proses kreatif. Oleh itu, pengkaji melihat bahawa proses kreatif yang bermain dalam lingkaran kehidupan seseorang pengarang begitu mempengaruhi segala mesej dalam karyanya.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan meninjau proses kreatif dua orang penyair dari kalangan pendidik iaitu A. Wahab Ali dan Kemala atau nama sebenarnya Ahmad Kamal Abdullah. Mereka telah membuktikan keupayaan dan tersohor dalam





penghasilan karya dan pemikiran dalam karya. Pemikiran terhasil daripada kesinambungan proses kreatif yang bertolak daripada latar kehidupan dan pengalaman yang melatari kehidupan mereka. Dalam kebanyakan kajian sarjana tentang perkembangan kesusasteraan yang menyentuh genre puisi, karya penyair tidak dikaji atas dasar penyair sebagai Anak Kandung Suluh Budiman. Sudah sampai masanya satu kajian diketengahkan dalam konteks latar kehidupan, perjalanan proses kreatif dan pemikiran dibuat oleh pengkaji supaya nama Anak Kandung Suluh Budiman tidak hanya begitu dekat dan difahami oleh kalangan pelatih-pelatih atau mahasiswa perguruan (SITC-UPSI) sahaja sekali gus masyarakat seakan tidak menghubungkaitkan secara langsung penyair dan institusi yang mendidiknya.

Ini membuktikan bahawa tokoh-tokoh itu memberi jasa yang besar kepada



perkembangan sejarah kesusasteraan Melayu moden negara ini termasuk penyair yang

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



dikaji dalam disertasi ini iaitu A. Wahab Ali dan Kemala. Berdasarkan sumbangan semasa hayat dua penyair Anak Kandung Suluh Budiman zaman Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) ini dalam dunia kepenyairan, maka pengkaji memilih untuk mengkaji proses kreatif dalam berkarya mereka hingga menumbuhkan karya-karya yang cukup mekar dalam ingatan pencinta kesusasteraan tanah air khasnya puisi yang bermakna dan bersifat mendidik malah sarat dengan pemikiran pendidikan.

Dalam konteks kajian ini, kedua-dua penyair ini dianggap penting dalam konteks perkembangan kepenyairan kontemporari di Malaysia. Mana Sikana dalam eseinya bertajuk ``Penyair-penyair Mutakhir Malaysia Yang Terbaik'' (1989:400-401) berpendapat selepas Muhammad Haji Salleh, sastera Melayu boleh berbangga dengan Kemala dan Baha Zain. Persoalannya, kedua-dua penyair ini jika mewakili sekian ramai pengarang kreatif dari zaman SITC hingga UPSI, maka tidak sepatutnya berlaku





institusi tidak menjadi sebuah institusi yang terkebelakang dari aspek memperkasakan kesusasteraan.

Manan Sikana (2006) berpendapat, "...Kemala, sebenarnya memperlihatkan penggeraan yang bersemangat dan protes sifatnya di tahun-tahun 1960-an hingga 1970-an, di samping penguasaannya pada tema-tema lain bagi saya dialah tokoh dan paling menonjol untuk dekad itu." Malah, Ismail Hussein (1990) menyatakan pada ketika itu pengarang-pengarang berbahasa Melayu yang berbakat tumbuh dengan banyak dan mengukir nama seperti Azizi Haji Abdullah, Anwar Ridhwan, Kemala, Jihaty Abadi, Siti Zainon Ismail, S. Othman Kelantan dan Nordin Hassan. Zaman berkaryanya pengarang-pengarang ini bukan lagi berada dalam 'zaman perjuangan' atau 'zaman nasionalisme linguistik' tetapi aktivisme sastera.



Selain faktor melihat kepada kedua-dua penyair, kajian ini perlu merungkaikan persoalan proses kreatif dan pemikiran yang melibatkan kedua-dua mereka. Kajian tidak boleh terhenti pada proses kreatif semata-mata atau pemikiran semata-mata seperti beberapa kajian terdahulu kerana keduanya saling berkaitan. Latar belakang pendidikan dan pengalaman pastinya mempengaruhi tema-tema pilihan penyair dalam karyanya dan proses kreatif akan lebih hidup dengan laluan-laluan pengalaman yang berwarna-warni. Pemilihan model proses kreatif MG Taylor dan Teori Pemikiran Bersepadu 4L (SPB4L) yang dilihat relatif dalam proses kreatif penyair dalam menghasilkan karya mereka akan diaplikasikan bagi menjawab permasalahan sejauh mana proses kreatif memberi impak kepada pemikiran dan karya pengarang. Proses kreatif melalui tahap-tahap yang boleh diperincikan meskipun kebanyakan pengarang menganggap menceritakan persoalan proses kreatif sebagai





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

rumit, seperti persoalan bagaimana boleh menjadi seorang pengarang dan mengapa memilih menjadi seorang pengarang.

Kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan itu dan persoalan keciran yang perlu ada pada seorang pengarang kreatif yang berjaya hingga mencapai tahap pengiktirafan nasional, serantau dan antarabangsa. Pelbagai tanggapan diberikan oleh pengarang dan sarjana tentang kriteria menjadi seorang pengarang kreatif yang berjaya dalam perjuangannya. Pandangan dan latar hidup penyair A. Wahab Ali dan Kemala dikaji bagi menjawab persoalan-persoalan ini.



05-4506832



### **1.3 Kepentingan Kajian**

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kajian ini penting dilakukan supaya masyarakat dan pengkaji dapat melihat dan menyelami proses kreatif penyair dan lontaran pemikiran yang disumbangkan oleh penyair demi anak bangsanya. Penyair menggunakan puisi sebagai medium mencetuskan pemikirannya demi mendidik masyarakat. Puisi adalah genre kesusastraan yang dekat dengan masyarakat. Akhirnya kajian dapat memberikan manfaat kepada individu-individu khasnya pihak pengurusan tertinggi universiti agar melihat bahawa kesusastraan mempunyai kekuatan dan kepentingan yang tersendiri selaras dengan prinsip penubuhan universiti iaitu universiti pendidikan.

Oleh itu, pengkaji merasakan bahawa walaupun pengarang kelahiran institusi pendidikan khasnya MPSI menjadi sebutan hingga ke hari ini, namun ia perlu dimantapkan lagi dengan memperkasakan kesusastraan di universiti ini. Dunia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

kesusasteraan perlu dimartabatkan sebaik mungkin kerana ia begitu relevan dengan aspek pendidikan.

Universiti harus mementingkan kesinambungan perjuangan penyair berkenaan yang gigih mengukir nama bukan sahaja untuk dirinya, malah untuk tempat yang mencurahkan ilmu kepada mereka. Kajian ini juga diharapkan dapat menarik minat mahasiswa UPSI yang sedang dan akan tamat pengajian mereka tentang betapa besarnya sumbangan pemikiran yang dijelmakan oleh penyair-penyair sebelum ini dan sama-sama memperkasakan semula institusi ini sebagai gelanggang kesusasteraan seperti zaman SITC dan MPSI.

Selain itu, hasil kajian ini juga akan menjadi dokumentasi kepada universiti serta rujukan kepada kajian-kajian lain pada masa akan datang supaya ingatan kepada



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

sumbangan dua tokoh penyair ini tidak kunjung padam dan lenyap di telan zaman.

Kedua-dua pengarang iaitu A. Wahab Ali dan Kemala adalah dua penyair penting yang harus diilih secara mendalam proses kreatif dan pemikiran mereka.

## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1.4.1 Menonjolkan aspek pengalaman dan perjalanan hidup yang realiti dalam proses kreatif penghasilan puisi mereka.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi